

09/01/1997

Kontraktor dapat wang pendahuluan 15 peratus

KUALA LUMPUR, Rabu - Kontraktor yang terbabit dalam pembinaan sekolah di seluruh negara mendapat wang pendahuluan sebanyak 15 peratus daripada jumlah harga projek.

Sehubungan itu, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, menolak kemungkinan kaedah sistem pembayaran adalah punca berlaku beberapa bangunan sekolah gagal disiapkan mengikut jadual.

"Mana ada negara lain macam Malaysia yang bagi bayaran pendahuluan. Belum mula kerja dah dibayar. Dapat kontrak sahaja, dapat bayaran, 15 peratus. Mana negara lain ada (macam ini)," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Kementerian Pendidikan, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad yang membidas kontraktor kerana gagal menyiapkan projek awam, terutama bangunan sekolah, mengikut jadual sehingga membebankan rakyat.

Semalam Perdana Menteri menyatakan rasa kesal kerana masih ada kontraktor gagal menyiapkan sekolah mengikut jadual dan mahu kontraktor berkenaan lebih serius dengan melaksanakan projek berdasarkan perjanjian mereka dengan kerajaan.

Sebelum ini akhbar melaporkan beberapa sekolah tidak disiapkan walaupun sesi persekolahan sudah bermula Ahad dan Isnin lalu.

Kira-kira 800 pelajar di sebuah sekolah menengah di Calok, Terengganu terpaksa ditempatkan sementara di dua sekolah lain sehingga sekolah mereka siap. Bangunan sekolah bernilai RM2.9 juta itu hanya siap 90 peratus dan asrama sekolah itu juga belum siap.

Di Sekolah Kebangsaan Seafield 2 di USJ, Subang Jaya, Selangor, kerusi dan meja belum tersusun sewaktu murid tiba memulakan hari pertama persekolahan manakala bekalan air dan elektrik ke sekolah itu belum disambung.

Berikutan itu, murid terpaksa mengangkat sendiri kerusi dari stor ke bilik darjah masing-masing.

Najib mengulangi pandangannya bahawa perkara itu ada kaitan dengan pembekal dan kontraktor dan susah untuk menamatkan sesuatu kontrak yang gagal kerana prosesnya amat sukar.

Beliau memberi jaminan akan mencari jalan menyelesaikan perkara itu sekalipun tidak semudah yang disangkakan kerana menurutnya, Kementerian Pendidikan mempunyai ribuan projek kecil dan besar di seluruh negara setiap tahun.

(END)